



Jabatan
Pengurusan Sumber
Manusia

Surat Kami : 500-BPD (BSK.6/3)
Tarikh : 16 Julai 2021

Kepada Semua

Rektor UiTM Cawangan / Dekan Fakulti
Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit dan Staf
Universiti Teknologi MARA

Assalamualaikum WBT dan Selamat Sejahtera

YBhg. Datuk/Datin/ Profesor/Dr/Tuan/Puan

MAKLUMAN PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 20 TAHUN 2021 BERKAITAN PELAKSANAAN PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM UMUM KEPADA STAF UiTM YANG BERKELAYAKAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-179 pada 25 Mei 2021 telah meluluskan Pelaksanaan Pembekalan Pakaian Seragam Umum Kepada Staf UiTM Yang Berkelayakan berkuat kuasa 25 Mei 2021.
3. Sehubungan itu, disertakan Pekeliling Pendaftar Bilangan 20 Tahun 2021 berkaitan Pelaksanaan Pembekalan Pakaian Seragam Umum Kepada Staf UiTM Yang Berkelayakan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk makluman dan tindakan pihak PTJ.
4. Untuk makluman tuan/puan, pembekalan baju staf operasi (warna kelabu) untuk staf yang berkelayakan bagi PTJ di UiTM Shah Alam, UiTM Cawangan Selangor (UCS) dan Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), ianya akan diuruskan oleh pihak Bahagian Saraan dan Kemudahan dengan menggunakan peruntukan PTJ di UiTM Shah Alam, UCS dan ILD. Manakala untuk pembekalan kasut dan seluar, PTJ di UiTM Shah Alam, UCS dan ILD boleh membenarkan staf yang layak membuat tuntutan semula mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan pekeliling dan diuruskan di peringkat PTJ menggunakan peruntukan masing-masing.

Bhg. Pembangunan Organisasi : 03 5544 3080/3081/3082/3075/3133/3262
Bhg. Pengambilan & Penempatan Staf : 03 5544 3027/3085/3084/3005/3077/3090
Bhg. Pengurusan Perkhidmatan : 03 5544 3060/3132/3053/3066/3134/3067
Bhg. Saraan & Kemudahan : 03 5544 3040/3062/3043/3047/3061/3045
Bhg. Kemajuan Kerjaya : 03 5544 3030/3101/3105/3103
: 03 5521 1625/1312/1621

PEJABAT PENDAFTAR
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Malaysia
Tel: (+603) 5544 3050/3051/3133
Faks: (+603) 5544 3029



UiTM di hatiku

Surat kami : 500-BPD (BSK.6/3)
Tarikh : 16 Julai 2021

5. Bagi pembekalan pakaian seragam umum di peringkat PTJ cawangan, ianya tertakluk dengan pelaksanaan di peringkat PTJ cawangan dengan menggunakan peruntukan masing-masing.

6. Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memastikan pelaksanaan pembekalan pakaian seragam seperti panggilan sebutharga dan tuntutan bayaran balik dengan kadar yang ditetapkan kepada staf yang berkelayakan adalah pada atau sebelum 30 November 2021.

7. Bersama – sama ini juga disertakan Penggunaan Rekabentuk Pakaian Seragam Baharu dan Pekeliling Pendaftar Bilangan 09 Tahun 2012 untuk rujukan pihak PTJ. Untuk sebarang pertanyaan boleh hubungi pegawai kami melalui emel bsk@uitm.edu.my.

8. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Datin/Profesor/Dr/Tuan/Puan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar



AINUL FADZILAH BINTI HARUN

Timbalan Pendaftar

b.p. Pendaftar

- s.k.
1. Pendaftar
 2. Bendahari
 3. Ketua
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 20 Tahun 2021

**PELAKSANAAN PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM UMUM
KEPADA STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) YANG
BERKELAYAKAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan berkenaan pelaksanaan Pembekalan Pakaian Seragam Umum Kepada Staf UiTM Yang Berkelayakan. Pekeliling ini juga menyatakan tanggungjawab Ketua Jabatan dan staf berhubung pembekalan pakaian seragam yang dibuat.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan UiTM ke-136 telah meluluskan penggunaan dan pelaksanaan Panduan Pengurusan Kemudahan Pakaian Seragam dan Pekeliling Pendaftar Bilangan 9 Tahun 2012 telah dikeluarkan berkuatkuasa mulai 2 Julai 2012.

3. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 33 Tahun 2020 berkaitan Garis Panduan Strategi Bajet Universiti Teknologi MARA Tahun 2021 yang dikeluarkan pada 29 Disember 2020 telah menetapkan pihak Pejabat Pendaftar menyemak semula keperluan pemberian pakaian seragam kepada staf bagi tujuan penjimatan dari sudut:

- a. Jenis jawatan yang mesti diberi
- b. Jenis pakaian seragam
- c. Bilangan pemberian setahun
- d. Kekerapan pemberian

4. Majlis Sumber Manusia Bilangan Ke-55 pada 8 Februari 2021 bersetuju memperaku dan mengesyor kepada Lembaga Pengarah Universiti berkaitan Cadangan Semakan Semula Pembekalan Pakaian Seragam Umum Kepada Staf Yang Berkelayakan UiTM.

5. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke-179 pada 25 Mei 2021 meluluskan pembekalan Pakaian Seragam Umum Kepada Staf Yang Berkelayakan UiTM iaitu tiga (3) pasang baju dan dua (2) pasang kasut. Tarikh kuat kuasa pembekalan pakaian seragam umum ialah 25 Mei 2021 bermula dengan peruntukan pembekalan pakaian seragam bagi tahun 2021.

PELAKSANAAN

6. Pakaian seragam umum adalah merujuk kepada pakaian seragam yang dibekalkan kepada staf operasi yang berwarna kelabu, seluar hitam dan kasut mengikut jawatan yang layak.

7. Keperluan pemberian pakaian seragam kepada staf yang berkelayakan UiTM adalah seperti berikut :

- i. Pemberian bekalan kekal tiga (3) pasang pakaian seragam umum (baju dan seluar) kepada senarai jawatan yang layak.
- ii. Pemberian bekalan kekal dua (2) pasang kasut mengikut jenis jawatan yang layak.

8. Tambahan kelayakan kasut/but keselamatan turut diberikan kepada jawatan Pembantu Awam, Tukang K2, Pembantu Kemahiran dan Penjaga Elektrik yang ditentukan oleh Ketua Jabatan tertakluk skop tugas yang dilaksanakan.

9. Berikut disertakan kadar maksimum baharu bagi pembekalan pakaian seragam umum:

Bil.	Jenis Pakaian	Kadar Maksimum (RM)
1.	Sehelai Baju Lengan Panjang/Pendek	100.00
2.	Sehelai Seluar Panjang a. Berwarna hitam. b. Staf wanita boleh memilih skirt atau seluar panjang berwarna hitam.	100.00
3.	1 Pasang Kasut Kulit	150.00
4.	1 Pasang Kasut/But Keselamatan	250.00

10. PTJ boleh membenarkan:

- i. staf yang berkeelayakan membeli kasut dan seluar serta membuat tuntutan bayaran balik;
- ii. tuntutan hendaklah disertakan dengan resit asal dan disahkan oleh Ketua Jabatan tertakluk kepada kadar maksimum seperti dinyatakan
- iii. tuntutan hendaklah dibuat sebelum akhir bulan April setiap tahun.
- iv. Bagi 2021, staf dibenarkan membuat tuntutan sebelum 30 November 2021

11. Bagi tujuan ini, ianya tertakluk kepada pelaksanaan di peringkat PTJ masing-masing mengikut mana-mana kaedah yang lebih menjimatkan dan efisien.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN STAF

12. **Tanggungjawab Ketua Jabatan:**

Memastikan staf yang dibekalkan pakaian seragam supaya memakainya semasa bertugas rasmi.

13. **Tanggungjawab staf :**

Hendaklah memakai pakaian seragam yang kemas, bersih dan berada dalam keadaan baik semasa menjalankan tugas rasmi untuk menjaga imej UiTM. Tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas staf yang menerima pembekalan pakaian seragam tetapi tidak memakai atau memakai pakaian seragam dengan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan.

14. Tanggungjawab ini terpakai kepada semua Ketua Jabatan dan staf berkekeluargaan yang menerima pembekalan pakaian seragam umum dan khusus.

15. Senarai staf yang berkekeluargaan pakaian seragam umum dan khusus adalah seperti di Lampiran 1.

TARIKH DIKELUARKAN

16. Pekeliling dikeluarkan pada 12 Julai 2021

TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 25 Mei 2021

PEMAKAIAN

18. Pekeliling ini juga hendaklah dibaca bersama Pekeliling Pendaftar Bilangan 9 Tahun 2012 berkaitan Panduan Pengurusan Kemudahan Pakaian Seragam Staf UiTM.



HAJI MUHAMAD NIZAM NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan Fakulti/ Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 20/2021)

**SENARAI JAWATAN YANG LAYAK MENERIMA BEKALAN PAKAIAN SERAGAM
(PAKAIAN SERAGAM UMUM – BAJU KELABU/ SELUAR HITAM)**

Bil.	Kumpulan Jawatan	Klasifikasi Jawatan	Kelayakan	
			Pakaian	Kasut
1.	Pelukis Grafik	B	/	-
2.	Operator Kamera	B	/	/
3.	Jurufoto/Ahli Fotografi	B	/	/
4.	Pembantu Makmal (Makmal Kering)	C	/	/
5.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA	/	-
6.	Juruteknik Komputer	FT	/	/
7.	Juruteknik	J	/	/
8.	Penolong Juruukur	JA	/	*
9.	Pelukis Pelan Senibina	JA	/	*
10.	Penolong Arkitek Lanskap	JA	/	*
11.	Penolong Jurutera	JA	/	*
12.	Penolong Juruukur Bahan	JA	/	*
13.	Penolong Arkitek Lanskap	JA	/	*
14.	Penolong Juruukur Bangunan	J	/	*
15.	Pembantu Am Pejabat/Pembantu Operasi	N	/	/
16.	Pembantu Percetakan	N	/	*
17.	Pembantu Penerbitan	N	/	/
18.	Pembantu Awam	H	/	*
19.	Pemandu	R/H	/	/
20.	Tukang K2/Pembantu Kemahiran	R/H	/	*
21.	Penjaga Jentera Letrik	R/J	/	*
22.	Pembantu Arkib	S	/	-

LAMPIRAN 1
**PELAKSANAAN PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM UMUM KEPADA STAF YANG BERKELAYAKAN
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 2021**

Bil.	Kumpulan Jawatan	Klasifikasi Jawatan	Kelayakan	
			Pakaian	Kasut
23.	Pembantu Kesatria	S	/	-
24.	Pembantu Belia & Sukan	S	/	-
25.	Pembantu Pustakawan	S	/	-
26.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S	/	-
27.	Pembantu Pemuliharaan	S	/	/

**Jabatan bertanggungjawab boleh menentukan sama ada staf yang terlibat memerlukan kasut/but keselamatan (safety shoes) atau tidak berdasarkan jenis pekerjaan yang dilakukannya.*

**SENARAI JAWATAN YANG LAYAK MENERIMA BEKALAN PAKAIAN SERAGAM
 (PAKAIAN SERAGAM KHUSUS)**

Bil.	Kumpulan Jawatan	Klasifikasi Jawatan	Kelayakan	
			Pakaian	Kasut
1.	Pembantu Makmal (Makmal Basah)	C	/	/
2.	Penolong Pegawai Sains	C	/	/
3.	Pegawai Sains	C	/	/
4.	Pensyarah Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan	DM	/	-
5.	Pensyarah Kanan Perubatan	DU	/	*
6.	Pensyarah Pergigian	DU	/	*
7.	Pengawal Keselamatan	KP	/	/
8.	Pembantu Keselamatan	KP	/	/
9.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP	/	/
10.	Pegawai Keselamatan	KP	/	/
11.	Pramusaji	N	/	-
12.	Pembantu Penyediaan Makanan	N	/	/
13.	Penolong Jururawat / Jururawat Masyarakat	U	/	/
14.	Pembantu Pembedahan Pergigian	U	/	/
15.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	U	/	/
16.	Juruteknologi Makmal Perubatan	U	/	*
17.	Juru X-Ray	U	/	*
18.	Juruteknologi Pergigian	U	/	*
19.	Jurupulih Perubatan	U	/	*
20.	Jururawat	U	/	/
21.	Jururawat Pergigian	U	/	/
22.	Pembantu Perawatan Kesihatan	U	/	/

LAMPIRAN 1
**PELAKSANAAN PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM UMUM KEPADA STAF YANG BERKELAYAKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 2021**

Bil.	Kumpulan Jawatan	Klasifikasi Jawatan	Kelayakan	
			Pakaian	Kasut
23.	Pegawai Perubatan / Pergigian / Farmasi	U	/	*
24.	Penolong Pegawai Farmasi	U	/	/
25.	Penolong Pegawai Perubatan	U	/	/
26.	Pembantu Farmasi	U	/	/
27.	Pembantu Kesihatan Awam	U	/	*

**Jabatan bertanggungjawab boleh menentukan sama ada staf yang terlibat memerlukan kasut/but keselamatan (safety shoes) atau tidak berdasarkan jenis pekerjaan yang dilakukannya.*